

Newspaper	Berita Harian
Date	7/10/2012



Zaki (dua dari kanan) beramah mesra dengan penerima Anugerah Presiden, Ivan Lim Chen Ning (kanan) sambil diperhati Dr Siti Hasmah, Dr Mahathir dan Pro-Canselor MMU, Tan Sri Ir Muhammad Radzi Mansor (kiri) selepas majlis Konvokesyen MMU Ke-13.

[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]

Dr Siti Hasmah terima ijazah kehormat MMU

BH - 7/10/2012

Cyberjaya: Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, semalam menerima anugerah ijazah kehormat Doktor Pendidikan dari Universiti Multimedia Malaysia (MMU) sebagai penghargaan terhadap jasa dan sumbangan beliau dalam bidang pendidikan.

Dr Siti Hasmah yang juga Canselor pertama MMU berkata, beliau gembira kerana diberi penghormatan sedemikian dan me-

ngucapkan ribuan terima kasih kerana pemilihannya.

"Jika ibu bapa saya masih hidup, pasti mereka turut berasa gembira apabila melihat saya mendapat penghormatan dari pihak MMU. Ibu bapa saya memang sangat mementingkan pelajaran. Ketika zaman saya, ramai ibu bapa takut menghantar anak masing-masing ke sekolah Inggeris kerana bimbang menjadi Kristian.

Hantar ke sekolah Inggeris

"Bagaimanapun, ibu bapa saya berlainan pendapat dan tetap menghantar saya ke sekolah Inggeris. Justeru, setiap Isnin hingga Jumaat saya akan bersekolah Inggeris, manakala Sabtu dan Ahad saya pergi ke sekolah Melayu untuk belajar mata pelajaran bahasa Melayu, Ilmu Alam dan agama," katanya selepas menerima anugerah Kehormat Kedoktoran Pendidikan di Majlis Konvokesyen MMU ke-13, semalam.

Majlis penyampaian anugerah itu kepada Dr Siti Hasmah disempurnakan bekas Ketua Hakim Negara, Tun Zaki Azmi yang baru dilantik Canselor Kedua MMU.